# KENABIAN DALAM PANDANGAN FAZLUR RAHMAN

HAERUL ANWAR

Tesis ini dikemukakan sebagai memenuhi
syarat penganugerahan Ijazah
Sarjana Falsafah

Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Teknologi Malaysia

JUN 2015

Tesis Master ini saya persembahkan
Untuk guru-guru saya yang ikhlas
mengajarkan adab mulia.

Kepada istri saya Ana Paridawati
yang sentiasa bersabar dan memberi semangat.

Khususnya kepada orang tua saya
H. Anwar Juddah dan Hj. Najibah,
Hj. Mesra yang selalu memberi
sokongan dan mendoakan anak-anaknya.

# PENGHARGAAN

Alhamdulillāh, puji dan syukur kepada Allah SWT tuhan sarwa alam dengan asmā'-Nya *Al'Alīm* dan *al-Ḥakīm* telah mencurahkan sifat *al-Raḥmān*-Nya berupa cahaya ilmu kepada setiap makhluk-Nya. Salawat dan salam untuk baginda Nabi Muhammad ṣalla'Llāhu 'alayhi wa sallam yang telah mengajarkan ilmu pengetahuan kepada sahabat-sahabat beliau raḍiya'Llāhu ʿanhum generasi terbaik sepanjang masa, hingga sampai kepada para ulama pewaris nabi yang selalu sabar dan teguh dalam menyiarkan kebenaran Islam.

Di awal tahun 2012 dan dengan bekal yang tak seberapa dalam dunia akademik, pengkaji berkesempatan mengembangkan kemampuan intelektual dan keilmuan dalam suatu kominiti budaya ilmu di *Centre for Advanced Studies on Islam, Science and Civilisation CASIS-UTM* sebagai pelajar Master. Walhasil, dalam masa kurang lebih 3 tahun, pengkaji mampu menyelesaikan tugas ilmiah yang sederhana ini melalui sokongan dan bantuan pelbagai pihak. Mereka telah berjasa menumbuhkan semangat dakwah ilmu yang agung ini untuk menjadi bagian penyumbang khazanah peradaban Islam.

Ucapan terimakasih tak terhingga saya sampaikan kepada guru-guru kami, khasnya Prof. Dr. Wan Mohd Nor Wan Daud dengan kebesaran hati telah memberi peluang serta mengizinkan pengkaji belajar di CASIS, Prof. Dr. Mohammad Zainiy bin Uthman dengan ketegasannya dalam memberi teladan. Juga kepada Prof. Madya Dr. Wan Suhaimi bin Wan Abdullah, Prof. Dr. Tatiana Denisova, Dr. Suleiman Mohammed Hussein Boayo, Prof. Madya Dr. Adi Setia dengan ketulusan mereka dalam mengajar tanpa kenal lelah. Tak lupa kepada pembimbing saya Prof. Madya Dr. Syamsuddin Arif dan Prof. Madya Dr. Khalif Muammar A. Harris dalam keikhlasannya sentiasa membimbing dan mengarahkan dengan penuh kesungguhan dan kesabaran. Hanya doa yang boleh sentiasa saya panjatkan, semoga Allah SWT membalasnya dengan sebaik-baik balasan di Dunia dan Akhirat, amin.

Saya juga merakamkan penghargaan setingi-tingginya kepada pihak pentadbiran Pusat Kajian Tinggi Islam, Sain dan Peradaban Univesiti Teknologi Malaysia (CASIS-UTM), Pn. Rashidah binti Sarip, Pn. Sharifah Fadzlina Helmy al-Husaini, Pn. Norehan, Kak Khalina Khalili, Kak Sharifah Hajar yang telah banyak membantu dalam hal pengurusan keperluan pengkaji selama ini. Ucapan terimakasih juga pengkaji haturkan kepada Bapak Ishak Harun yang telah banyak memberi sokongan dalam kemudahan belajar, semoga menjadi amal *jāriyah* dan penuh berkah. Tak lupa juga ucapan terimakasih kepada arwah Cik Gu Naim Daipi di Tampines Town-Singapore yang banyak memberi nasihat ikhlas dan buku panduan penulisan bahasa Melayu.

Selain itu, saya juga ingin mengucapkan ucapan terima kasih kepada kaki tangan perpustakaan International Islamic University Malaysia (IIUM) dan International Institute of Islamic Thought and Civilization (ISTAC) yang telah membantu pengkaji dalam pengumpulan data-data kajian. Dalam ruang yang terbatas ini, penghargaan dan ucapan terimakasih juga saya persembahkan untuk rakan-rakan seperjuangan di CASIS Syed Muhammad Muhiyyudin al-Attas, Wan Ahmad Faisal, Mohd Hilmi Ramli, Wan Mohd Aimran, Muhammad Husni Amin, Muhammad Ikhwan Azlan, Mohammad Syafiq Borhanuddin, Mohammad Syukri Rosli, Syed Redzuan, Mohd Iqbal, Muhammad Yusuf Muzaffar, Muhammad Zulfaisal Omar, Muhamad Fahroni, Gokhan Ali, Bayramdurdy Gurbanweliyev, Ismail Ya’u Abu Bakar, Muhammad Hasanul Arifin, Fiqih Risalah, Ali Mukhtar, Arif Munandar, Muhammad Zakky Azani, Metsra Wirman, Muhammad Abdul Ghani, Khayrurijal, Usep Muhammad Ishaq, Saidina Usman El-Quraisy, Rahmat Hidayat, Ilham Jaya, Muhammad Yunus, Edi Kurniawan, Mukhlas Nugraha, Muhammad Hanif, Kun Ali, Rizky Febrian, Akak Ai Wardah, Akak Khalina Khalili, Akak Noor Idayu, Akak Syarifah Hajar, Akak Aisyah, Akak Nur’alaniah, Akak Azah Atikah, Nabilah Yasmin dan lain-lain atas kerjasama dalam menciptakan suasana budaya ilmu yang penuh dengan keakraban dan kekeluargaan. Tidak ketinggalan juga untuk rakan-rakan pengkaji di kumpulan HAKIM, ISFI, dan CASIS.

Akhir sekali, teristimewa ucapan terima kasih dengan rasa cinta tak terhingga kepada orang tua saya Ayahanda H. Anwar Juddah, Ibunda Hj. Najibah, Hj. Mesra, Kak Nia Anwar, Kak Nurfiah Anwar, Adik Aisyah Anwar, Adik Ibrahim Anwar yang selalu memberikan semangat dan sokongan kepada saya selama belajar di Malaysia. Kepada semua rakan-rakan yang tak mungkin disebutkan semuanya disini, pengkaji rakamkan ucapan terima kasih atas doa dan bantuannya selama proses menyelesaikan tesis ini. Semoga Allah SWT selalu melimpahkan kasih sayang-Nya kepada kita semua, *Allāhumma Āmīn*.

# ABSTRAK

Cendikiawan dan intelektual muslim abad 20, Fazlur Rahman (1919-1988) dikenal melalui pandangan-pandangan modenisnya yang mencabar pemahaman Muslim tradisional yang meliputi perkara Sunnah, Ḥadīth dan refleksi falsafahnya mengenai hakikat wahyu telah banyak menimbulkan kontroversi. Fokus utama tesis ini adalah mengupas secara analitik-kritikal terhadap pandangan kenabian (*nubuwwah*) Fazlur Rahman, hakikat wahyu, dan isu-isu lain berkaitan sebagaimana yang tercantum di dalam tulisan-tulisan falsafah dan keagamannya. Ianya juga untuk menilai argumen-argumen beliau dan kemudian membandingkannya dengan pendapat-pendapat ulama Muslim terdahulu. Setelah mengetengahkan huraian ringkas kehidupan masa kecil, pendidikan, karir akademik dan kontribusi beliau sebagai ilmuan, kajian ini juga memaparkan secara ringkas pelbagai penjelasan ulama Muslim, ahli teologi, ahli falsafah tentang kenabian dan wahyu, diikuti dengan kupasan faham kenabian dalam pemikiran muslim modenis. Tinjauan analisis terhadap argumen-argumen Fazlur Rahman turut dibentangkan dengan perhatian khusus kepada pandangannya mengenai istilah-istilah al-Qur'ān yang terkait pewahyuan seperti *wahy*, *tanzīl* dan *al-Rūḥ al-Quds*. Kajian ini mendapati bahawa huraian Fazlur Rahman terhadap kenabian berbeza dalam banyak hal dari pandangan ulama tradisional. Pertama, Fazlur Rahman mencuba 'mentabi'ikan *(naturalize)*' dan 'merasionalkan' fenomena kenabian berpandukan pemikiran para filsuf Yunani. Kedua, beliau membuat kesimpulan bahawa Al-Qurān bukan sahaja Firman Allah (*Kalām Allah*) tetapi juga merupakan ucapan nabi—suatu pandangan yang bercanggah dengan kesepakatan para ulama sepanjang zaman. Ketiga, beliau menafikan penglibatan malaikat dalam proses pewahyuan. Selain itu, berbeza dengan pandangan majoriti ulama, Fazlur Rahman berpendapat bahawa nabi menerima wahyu melalui *al-Rūḥ al-Quds* atau *al-Rūḥ al-Amīn* yang tak lain dan tak bukan merupakan fakulti semula jadi nabi sendiri.

## ABSTRACT

A foremost Muslim intellectual and scholar of the twentieth century, Fazlur Rahman (1919-1988) is known for his modernist views that challenged traditional Muslim understanding of prophetic practice (*sunnah*) and prophetic reports (*hadith*) and his philosophical reflections on the nature of revelation that have caused much controversy. This thesis focuses on the latter, presenting a critical analysis of Fazlur Rahman's views on prophecy (*nubuwwah*), the nature of revelation and other pertinent issues as put forth in his philosophical and religious writings. It examines his arguments in comparison with the traditional views of classical Muslim scholars. After a sketch of his early life, education, academic career and scholarly contribution in the field of Islamic studies, a summary is provided of the traditional views of selected Muslim scholars, theologians and philosophers on prophecy and revelation, followed by an elaboration of modernist Muslim thought on prophecy. Analytical examination of Fazlur Rahman's views is presented with particular attention to his reflections on the Qur'anic terms pertaining to revelation such *wahy*, *tanzīl* and *al-Rūḥ al-Quds*. The study has found that Fazlur Rahman's thought on prophecy differs in many respects from the position of traditional Muslim scholars. First, it becomes clear that Fazlur Rahman sought to 'naturalize' and 'rationalize' the phenomena of prophecy in the light of Greek philosophical ideas. Second, he consequently concludes that the Holy Qur'ān is not only the Word of God (*Kalām Allāḥ*) but also the Word of the Prophet − a view which squarely contradicts the consensus of Muslim scholars. Third, he also denies the involvement of any angel in the process of revelation. Thus, in contrast to the widely accepted view of ʿulamā', Fazlur Rahman asserts that the Prophet received revelation through *al-Rūḥ al-Quds* or *al-Rūḥ al-Amīn* which he believes to be nothing but the Prophet's own natural faculty.

# ISI KANDUNGAN


| BAB | TAJUK | | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| | **DEKLARASI** | | ii |
| | **DEDIKASI** | | iii |
| | **PENGHARGAAN** | | iv |
| | **ABSTRAK** | | vii |
| | **ABSTRACT** | | viii |
| | **ISI KANDUNGAN** | | ix |
| **1** | **PENDAHULUAN** | | **1** |
| | 1.1 | Pernyataan Masalah dan Objektif Kajian | 1 |
| | 1.2 | Tinjauan Literatur dan Batasan Kajian | 4 |
| | 1.3 | Sumber-Sumber Kajian | 6 |
| | 1.4 | Metodologi dan Manfaat Kajian | 7 |
| | 1.5 | Rancangan Penyelidikan | 8 |
| **2** | **RIWAYAT HIDUP DAN KARYA-KARYA** | | **10** |
| | 2.1 | Riwayat Hidup | 10 |
| | 2.2 | Karya-Karya | 13 |
| | 2.3 | Perjalanan Ringkas Kehidupan Fazlur Rahman | 15 |
| **3** | **FAHAM KENABIAN DALAM TRADISI ISLAM** | | **16** |
| | 3.1 | Takrif Nabi dan Rasul, Perbezaan Nabi, Rasul dan Wali | 17 |
| | 3.2 | Kepentingan atau Keperluan Manusia Kepada Nabi | 23 |
| | 3.3 | Bilangan Nabi dan Rasul | 26 |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | 3.4 | Ciri-Ciri Para Nabi | 26 |
| | 3.5 | Kemaksuman (*ʿIṣmah*) Para Nabi | 30 |
| | 3.6 | Mukjizat Para Nabi | 32 |
| | 3.7 | Keistimewaan Nabi Muhammad s.a.w. | 34 |
| | 3.8 | Kenabian Itu Hasil Usaha Sendiri (*Kasbī*) atau Anugerah (*Wahbī*) | 37 |
| | 3.9 | Penyampaian dan Penerimaan Wahyu | 43 |
| | 3.10 | al-Qur'ān Sebagai Wahyu | 47 |
| **4** | **FAHAM KENABIAN DALAM PEMIKIRAN MUSLIM MODENIS** | | **50** |
| | 4.1 | Asal-Muasal Pemikiran modenisme | 52 |
| | 4.2 | Gerakan Modenisme Islam | 54 |
| | | 4.2.1 Shaikh Muḥammad ʿAbduh | 57 |
| | | 4.2.2 Sayyid Aḥmad Khān | 60 |
| | | 4.2.3 Sir Muḥammad Iqbāl | 66 |
| | | 4.2.4 Fazlur Raḥmān | 71 |
| | 4.3 | Pandangan Para Pemikir Muslim Modenis Mengenai Kenabian | 76 |
| | | 4.3.1 Shaikh Muḥammad ʿAbduh | 76 |
| | | 4.3.2 Muḥammad Rashīd Riḍā | 79 |
| | | 4.3.3 Sir Muḥammad Iqbāl | 82 |
| | | 4.3.4 Naṣr Ḥāmid Abū Zayd | 86 |
| **5** | **HURAIAN FAZLUR RAHMAN MENGENAI KENABIAN** | | **91** |
| | | 5.1 Takrif Nabi | 92 |
| | | 5.2 Kepentingan atau Keperluan Manusia Kepada Nabi | 95 |
| | | 5.3 Kenabian Itu Hasil Usaha Sendiri (*Kasbī*) atau Anugerah (*Wahbī*) | 98 |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | 5.4 | Penyampaian dan Penerimaan Wahyu al-Qur’ān | 100 |
| **6** | **KESIMPULAN** | | **113** |
| **RUJUKAN** | | | **116** |

# BAB 1

# PENDAHULUAN

## 1.1 Pernyataan Masalah dan Objektif Kajian

Kenabian (*nubuwwah*) merupakan asas agama Islam, ia adalah salah satu bahagian penting dalam elemen *ʿaqīdah* Islam dan rukun *īmān* untuk percaya kepada rasul-rasul utusan Allah SWT dan wahyu yang diturunkan kepada mereka. Salah paham dan keliru tentang kenabian akan berimpak pada kecelaruan mengenai paham-paham penting lainnya, iaitu perkara-perkara asasi dalam Islam. Fenomena kemunculan nabi-nabi palsu sejak zaman Rasulullah s.a.w.[1] hingga akhir-akhir ini, tidak terlepas dari kesalah-fahaman dan kekeliruan mengenai kenabian dalam Islam.[2] Inilah sebabnya mengapa para ulama terdahulu telah mengupas perkara ini dengan terperinci dan panjang-lebar, sama ada ahli tafsir, mutakallimūn sehinggah falāsifah.[3]

Di zaman kita sekarang telah muncul pemikir-pemikir modenis yang membahas perkara kenabian, salah satunya ialah Fazlur Rahman seorang tokoh

---

[1] Untuk kajian khusus mengenai orang-orang yang pernah mengaku sebagai Nabi sila rujuk Riyāḍ Muṣṭafā al-ʿAbdullah, *Mimman Iddaʿāw al-Nubuwwah* (Beirut: al-Muassasah al-Jāmiʿah Liddirāsāt wa al-Nashr wa al-Tawzīʿ, 1994), c. 1.

[2] Abī al-Ḥasan ʿAlī Muḥammad al-Māwardī, *Aʿlām al-Nubuwwah,* ed. Saʿīd Muḥammad al-Laḥām (Kaherah: Dār wa Maktabah al-Hilāl, 1989), c. 1, 35-39.

[3] ʿAbdul Shakūr bin al-Ḥāj Ḥūsayn, *al-Nubuwwah Bayna al-Mutakallimīn wa al-Falāsifah Dirāsah Muqāranah* (Kuala Lumpur: AS Printer Industries, 2003).

terkenal yang berasal dari Pakistan dan meninggal di Amerika Syarikat pada tahun 1988. Fazlur Rahman mengemukakan pendapatnya yang kontroversial mengenai kenabian dalam karya-karya beliau iaitu *Prophecy in Islam: Philosophy and Orthodoxy* (1958), *Islam* (1966), dan *Major Themes of The Qur'ān* (1980), yang berisi kritikan dan pandangan kesejarahan mengenai wahyu dan kenabian.

Beliau menerangkan faham kenabian dengan teori akal yang dipegang oleh para ahli falsafah Muslim al-Fārābī dan Ibn Sīnā. Pandangan tersebut menimbulkan pelbagai isu yang bersifat kontroversi,[4] kerana dianggap bertentangan dengan kesepakatan (*ijmāʿ*) arus perdana umat Islam (*Ahl Sunnah wa al-Jamāʿah*). Atas dasar tersebut, perlu kiranya dirumuskan soalan penyelidikan terkait dengan pernyataan masalah kajian ini. Bagaimana Fazlur Rahman memahami konsep kenabian Islam? Apa yang menjadi landasan idea beliau, sehingga ianya berbeza dengan tradisi keilmuan Islam pada umumnya? Bagaimana menilai kebenaran dan kelebihan-kekurangan konsep kenabian beliau?

Penelitian ini memiliki dua tujuan utama. Pertama, ianya bertujuan untuk memahami konsep kenabian menurut Fazlur Rahman secara menyeluruh. Sebagaimana telah dipaparkan sebelumnya, isu mengenai kenabian perlu diketengahkan kerana salah satu kesan buruk dari kekeliruan memahami konsep ini adalah timbulnya dakwaan kenabian seperti dalam kes Aḥmadiyah di India,[5] Bahā'i di Iran,[6] Lia Eden di Indonesia,[7] dan Ayah Pin di Malaysia.[8] Adapun mengenai

---

[4] Berikut beberapa karya yang memaparkan kontorversi pemikiran Fazlur Rahman antara lain Donald Lee Berry, *The Thought of Fazlur Rahman as an Islamic Response to Modernity* (Michigan: University Microfilms International (U.M.I), 1990), 47-119 dan 163-237; H. Muhaimin, *Kontroversi Pemikiran Fazlur Rahman: Studi Kritis Pembaharuan Pendidikan Islam* (Cirebon: Pustaka Dinamika, 1994); Amhar Rasyid, *Some Qur'anic Legal Texts in The Context of Fazlur Rahman's Hermeneutical Method*, tesis Ph.D. (Montreal: McGill University, 1994); Abdul Kabir Husain Solihu, *Historicist Approach to The Qur'ān: Impact of Nineteenth Century Western Hermeneutics in The Writings of Two Muslim Scholars,* tesis Ph.D. (Kuala Lumpur: International Islamic University Malaysia (IIUM), 2003), 155-187 dan 227-234; Ahmad Bazli, *A Modernist Approach to The Qur'ān: A Critical Study of The Hermeneutics of Fazlur Rahman*, tesis Ph.D. (Kuala Lumpur: International Institute of Islamic Thought and Civilization (ISTAC), 2005), 109-245.

[5] Dalam kes kelompok Aḥmadiyah sila rujuk Hamka Haq Badr, *Koreksi Total Terhadap Ahmadiyah* (Jakarta: Yayasan Nurul Islam, 1981); Dede A. Nasrudin, *Ahli Sunnah Menjawab Ahmadiyah Dalam Masalah Kenabian* (Jakarta Selatan: Lembaga Penelitian dan Pengkajian Islam (LPPI), 2002); Yohanan Friedmann, *Prophecy Continuous: Aspects of Ahmadi Religious Thought and Its Medieval Background* (Berkeley: University of California Press, 1989).

[6] Mengenai kes Bahā'i sila rujuk Muḥammad Sāmiḥ Sayyid, *al-Bahāiyyah bayn Aḥkām al-Sharʿiyyah al-Islāmiyyah wa al-Qawānīn al-Waḍʿiyyah, wa al-Aḥkām al-Qaḍāiyyah: Dirāsah Wathāiqiyyah Mawḍūʿiyyah Taḥlīliyyah* (Kaherah: Dār al-Kitāb al-Ḥadīth, 2007); Peter Smith, *An*

pertanyaan-pertanyaan bagaimana proses kenabian menjadi sesuatu yang mungkin terjadi; bagaimana Tuhan bercakap kepada manusia; apakah ilmu pada seseorang nabi berbeza dengan ilmu manusia biasa; adakah tingkat kenabian mampu dicapai dengan usaha (*kasb*) atau pemberian langsung dari Tuhan (*supernatural*); apa kesan bila kenabian itu dianggap hanya sebuah pencapaian ilmu, bukan berpunca pada wahyu; apakah ciri-ciri dan perbedaan antara Nabi dan Rasul; mengapa dan untuk apa perlunya Nabi, pun akan cuba dibahas secara ringkas dalam penelitian ini.

Selanjutnya, tujuan kedua dari penyelidikan ini ialah untuk menghuraikan kerangka pemikiran dan mengkritik andaian-andaian faham kenabian yang dirumuskan Fazlur Rahman berdasarkan pandangan tradisi keilmuan *Ahl Sunnah wa al-Jamāʿah*.[9] Disamping itu, kajian ini berupaya memberi penjelasan natijah yang ditimbulkan dari gagasan pemikiran Fazlur Rahman terhadap khazanah pemikiran Islam. Dalam kaitan ini, kajian dan teori ahli falsafah (*falāsifah*), ahli tasawwuf (*mutaṣawwifūn*) dan ahli ilmu kalam (*mutakallimūn*) mengenai kenabian akan dibahas sesuai dengan keperluan penyelidikan. Kemudian dari sini, peneliti akan membahas bagaimana ulama Islam yang berwibawa memahami konsep kenabian, sehingga boleh menjadi pembanding dan kritik positif terhadap pemahaman konsep kenabian Fazlur Rahman.

---

*Introduction to The Bahāʼi Faith* (Cambridge: Cambridge University Press, 2008); Dominic Parviz Brookshaw, *The Bahāʼis of Iran: Socio-Historical Studies* (New York: Routledge, 2008).

[7] Terkait dengan kes Lia Eden, sila rujuk Abd Moqsith Ghazali. *Kriminalisasi Komunitas Eden*. Jaringan Islam Liberal (8 Jan, 2006), dari web http://www.islamlib.com/? site=1&aid=115&cat=content&title=klipping; Abd Moqsith Ghazali, *Lia Aminuddin dan problem Penghapusan Agama*, Jaringan Islam Liberal (22 Des, 2008), dari http://www.islamlib.com/?site=1&aid= 1279&cat=content&title=editorial.

[8] Adapun mengenai kes Ariffin Muhammad yang juga dikenal sebagai 'Ayah Pin' sila rujuk Wan Mohd Azam Mohd Amin, *Ajaran Sesat* (Kuala Lumpur: IIUM Press, 2009), 12-25, 166-190.

[9] Ṣadr al-Islām al-Baghdādī membahagikan *Ahl Sunnah wa al-Jamāʿah* dalam delapan kelompok besar iaitu (1) *Mutakallimūn*; (2) *aʼimmah al-Fiqh min farīqay al-Raʼy wa al- Ḥadīth*; (3) *ahl al-Akhbār wa al-Sunan al-Maʼthūrah ʿan al-Nabī ʿalayhi al-salām*; (4) *ahl al-Adab wa al-Naḥw wa al-Taṣrīf*; (5) *ahl al-Qirāʼāt al-Qurʼān wa al-Tafsīr wa al-Taʼwīl*; (6) *al-Zuhhād al-Ṣūfiyyūn*; (7) *al-Mujāhidūn*; dan (8) *ʿāmmah al-buldān al-latī ghalaba fīhā shiʿār ahl al-Sunnah*. Penjelasan lebih rinci mengenai asas-asas yang menjadi kesepakatan dan jaminan keselamatan kelompok *Ahl Sunnah wa al-Jamāʿah* sila rujuk ʿAbd al-Qāhir ibn Ṭāhir ibn Muḥammad al-Baghdādī, *al-Farq Bayn al-Firaq wa Bayān al-Firqah al-Nājiyah Minhum* (Beirut: Dār al-Kutub al-ʿIlmiyyah, 2003), 240-249; Adapun pandangan al-Qāḍī al-Ījī mengenai *Ahl Sunnah wa al-Jamāʿah* adalah dikategorikan sebagai kelompok yang selamat, kerana tidak melakukan perbuatan bidʿah. Mereka telah sepakat bahawa *ʿālam* adalah bersifat baru *(ḥādiṭh)* serta meyakini kewujudan Allah SWT sebagai pencipta dengan segala sifat-sifatnya yang sempurna. Mereka juga mengimani bahawa Allah SWT mengutus Rasul-Rasul pilihan yang dikurnai dengan muʿjizāt dan generasi penerus Nabi s.a.w. iaitu sahabat-sahabat beliau yang mulia. Mereka tidak mengkafirkan *ahl al-Qiblah* kecuali kepada orang-orang yang menafikan Allah SWT, inkar kepada Nabi-Nabi beserta shariatnya, dan menghalalkan yang haram atau sebaliknya. Sila rujuk ʿAbdurraḥmān bin Aḥmad al-Ījī, *al-Mawāqif fī ʿIlm al-Kalām* (Beirut: ʿĀlam al-Kutub, 1980), 429-430.

## 1.2 Tinjauan Literatur dan Batasan Kajian

Fazlur Rahman adalah seorang pemikir yang cukup berpengaruh bukan hanya dikalangan Muslim tapi juga dari non-Muslim, khasnya dari kelompok agama Kristian. Meskipun beberapa idea dan gagasan beliau menuai kontroversi, namun hasil karya beliau yang mencakup pelbagai aspek kajian disiplin ilmu pengetahuan Islam tetap menjadi sorotan di gelanggang pemikiran semasa dan telah diterjemahkan dalam ragam bahasa, seperti bahasa Arab, Melayu, Indonesia, Turki, dan lain-lain. Terdapat beberapa artikel ringkas dan bahagian bab-bab tertentu di buku beliau, serta sekurang-kurangnya delapan karya ilmiah beliau.

Ahmad Bazli bin Shafie dalam disertasi ijazah doktoral beliau yang bertajuk *A Modernist Approach to The Qur'ān: A Critical Study of The Hermeneutics of Fazlur Rahman*,[10] secara khas menguraikan klaim-klaim Fazlur Rahman mengenai kegagalan ulama ahli mutakallim, sufi, dan falsafah dalam memahami al-Qur'ān pada abad pertengahan hingga zaman sekarang. Oleh kerana itu menurutnya, diperlukan metode baru yang dikenal dengan *hermeneutics* sebagai usaha untuk kritikan sejarah (*historical criticism*). Disertasi ini juga membincangkan perihal penilaian keabsahan hujah-hujah dan andaian-andaian konsep *hermeneutics* Fazlur Rahman serta kaitannya dengan gagasan wahyu (*revelation*) dan peristiwa sejarahnya (*its historicity*), konsep pergerakan ganda (*double movement*) dan penerapannya pada akidah, akhlaq, dan hukum berdasarkan pemahaman *hermeneutics* Barat, serta konsep Tafsīr dan Ta'wīl yang telah disepakati dalam tradisi keilmuan Islam. Disertasi ini menunjukkan keterpengaruhan pemikiran Fazlur Rahman oleh falsafah *hermeneutics* Emilio Betti dan Hans-Georg Gadamer, dalam merumuskan konsep hermeneutika al-Qur'ān. Dikatakan juga bahawa hermeneutika Fazlur Rahman itu meliputi faham kesatuan kandungan makna al-Qur'ān dan kajian konteks sosio-sejarah wahyu yang bertujuan untuk menghasilkan makna asli dan prinsip-prinsip umum, serta menerapkan prinsip-prinsip tersebut pada situasi yang baru. Dalam hal ini Fazlur Rahman memperbolehkan penggunaan metode kritik-sejarah pada kitab Injil (*Biblical criticism*) untuk menafsirkan al-

---

[10] Ahmad Bazli, *A Modernist Approach to The Qur'ān: A Critical Study of The Hermeneutics of Fazlur Rahman*, tesis Ph.D. (Kuala Lumpur: International Institute of Islamic Thought and Civilization (ISTAC), 2005).

Qur'ān. Walaupun mengupas pelbagai isu-isu penting dalam pemikiran Fazlur Rahman, karya Bazli Shafie ini tidak mengupas secara mendalam latar belakang dan keabsahan teori kenabian Fazlur Rahman yang bersumber dari 'doktrin akal' falsafah Muslim iaitu Ibn Sīna dan al-Fārābī yang menjadi rujukan utama beliau.

Selain daripada karya tersebut, terdapat penelitian lain yang mengkaji metodologi *hermeneutics* Fazlur Rahman dengan pembahasan khas pada isu penerapan undang-undang. Taufik Adnan Amal merupakan sarjana terawal yang menulis pemikiran hukum dan upaya Fazlur Rahman menjawab tantangan modeniti.[11] Penelitian ini memberi tumpuan pada idea neo-modenis Fazlur Rahman, penjelasan pada sumber-sumber pemikiran hukum Islam —*al-Qur'ān*, *al-Sunnah* dan *al-Ḥadīth*, serta *al-Ijtihād* dan *al-Ijmāʿ*— serta gagasan metodologi baru untuk penafsiran al-Qur'ān. Taufik Adnan meyakini sepenuhnya bahawa sistem dan metodologi yang dikembangkan Fazlur Rahman terhadap penafsiran al-Qur'ān bertujuan membangun visi yang tepat dan sesuai pada Islam, secara koheren menyatukan tiga unsur penting iaitu ʿaqīdah (*thought*) atau pandangan alam (*worldview*), etika dan hukum. Ia lalu menyimpulkan bahawa meskipun terdapat unsur-unsur tradisional, modenism klasik, dan Barat dalam gagasan pemikiran Fazlur Rahman, akan tetapi usaha tersebut berupa hasil yang orisinal dalam sistem pemikiran Fazlur Rahman. Namun begitu, karya Taufik Adnan ini tidak banyak menyentuh pembahasan faham kenabian. Tema-tema yang berkaitan dengan kenabian semisal kontroversi tentang wahyu al-Qur'ān dan Sunnah-Ḥadīth hanya dibahas secara singkat sahaja.

Oleh kerana masa yang terhad, ruang lingkup kajian ini akan dihadkan pada aspek-aspek falsafah konsep kenabian Fazlur Rahman khasnya dalam beberapa karya beliau seperti *Prophecy in Islam: Philosophy and Orthodoxy*, *Islam* dan *Major Themes in The Qur'ān*. Dalam usaha menganalisa idea dan teori kenabian Fazlur Rahman, perlu kiranya juga menjelaskan latar belakang pemikiran modeniti yang selalu beliau perjuangkan, termasuk juga kesepaduan idea beliau dengan beberapa tokoh modenis sebelumnya semisal Shaikh Muḥammad ʿAbduh, Sayyid Aḥmad Khān, dan Muḥammad Iqbāl. Oleh kerana kajian ini bersifat deskriptif dan

---

[11] Taufik Adnan Amal, *Islam dan Tantangan Modernitas: Studi atas Pemikiran Hukum Fazlur Rahman* (Bandung: Penerbit Mizan, 1989), c. 1.

analitik-kritikal, perlu juga kiranya mengkaji tema-tema lain yang berkaitan dengan konsep kenabian, sebagaimana gagasan beliau mengenai wahyu dan diri Nabi itu sendiri. Disisi lain, penting juga untuk merujuk bahan-bahan yang menjadi rujukan asas pemikiran beliau.

## 1.3 Sumber-Sumber Kajian

Menyedari bahawa penelitian ini memerlukan sumber-sumber rujukan berkaitan dengan pemikiran Fazlur Rahman mengenai kenabian, maka kajian ini akan memusatkan perhatian sepenuhnya pada penelitian pustaka dengan mencari dan mengumpulkan segala maklumat yang berkaitan. Sumber-sumber kajian ini terdiri dari tiga bahagian. Pertama, bagian terpenting dari beberapa tulisan beliau dalam bentuk buku maupun artikel yang secara khas membahas idea kenabian. Pandangan beliau mengenai konsep kenabian terdapat di dalam buku beliau *Prophecy in Islam: Philosophy and Orthodoxy*, *Islam*, *Major Themes of The Qur'an*. Adapun beberapa karya beliau lainnya yang mengkaji tema-tema berkaitan dengan kenabian serta usaha untuk mengkaji ulang bidang aqīdah, etika dan hukum melalui pendekatan *hermeneutics* terhadap al-Quran iaitu karya-karya beliau yang telah pengkaji sebutkan sebelumnya, juga terdapat di dalam *Islamic Methodology in History* dan *Some Key Ethical Concept of The Qur'an*.

Kedua, sumber-sumber literatur yang diakui kewibawaannya (*authoritative*) dari kajian-kajian ulama Islam abad silam[12] dan moden.[13] Hal ini bermaksud untuk

---

[12] Beberapa karya ulama zaman pertengahan yang mengkaji faham kenabian ialah ʿAbd al-Jabbār Aḥmad al-Hamadhānī, *Tathbīt Dalā'il al-Nubuwwah*, ed. Abd al-Karīm ʿUthmān (Beirut: Dār al-ʿArabiyyah li al-Ṭabāʿah wa al-Nashr wa al-Tawzīʿāt, 1966); ʿAli bin Rabban al-Ṭabarī, *al-Dīn wa al-Daūlah Fī Itsbāt Nubuwwah al-Nabī Muḥammad* (Beirut: Dār al-Āfāq al-Jadīdah, 1966); Abū Bakr Jaʿfar bin Muḥammad al-Ḥasan al-Firyābī, *Kitāb Dalā'il al-Nubuwwah*, ed. Āmir Ḥasan Ṣabrī (Kaherah: Dār Ḥarrā li al-Nashr wa al-Tawzīʿ, 1986), c. 1; Abī al-Ḥasan al-Māwardī, *Aʿlām al-Nubuwwah*, ed. Saʿīd Muḥmmad al-Laḥḥām (Kaherah: Dār wa Maktabah al-Hilāl, 1989), c. 1; Taqī al-Dīn Aḥmad Ibn Taymiyyah al-Ḥarrānī, *al-Nubuwwāt*, ed. Riḍwān Jāmʿ Riḍwān (Kaherah: Dār al-Ḥadīth, 2006); Abū al-Ḥusayn Aḥmad bin al-Ḥusayn Harūn al-Hārūnī, *Ithbāt Nubuwwah al-Nabī Salla Allāh ʿAlayhi wa* Sallam, ed. Khalīl Aḥmad Ibrāhīm al-Ḥāj (Beirut: al-Maktabah al-ʿIlmiyyah, t.t.); Abū al-Ḥasan ʿAlī bin Aḥmad al-Sabtī al-Umawī Ibnu Khumayr, *Tanzīh al-Anbiyā' ʿAmmā*

melihat lebih jelas dan memberi gambaran secara luas terkait pandangan-pandangan Fazlur Rahman, tanpa menafikan apresiasi sumbangan besar beliau terhadap pelbagai wacana keilmuan Islam, tak terkecuali mengenai konsep kenabian. Ketiga, bibliografi umum dan juga penelitian terkini yang mengandungi kajian mengenai riwayat hidup dan pengaruh gagasan pemikiran Fazlur Rahman sebagai tokoh modenis.

## 1.4 Metodologi dan Manfaat Kajian

Konsep kenabian Islam menjadi salah satu perhatian utama pemikir Muslim terdahulu hingga sekarang melalui pembahasan khas dan serius dalam kitab-kitab klasik. Kajian ini berdasarkan pada metodologi analitikal-kritikal terhadap konsep kenabian Fazlur Rahman. Meskipun pada dasarnya Fazlur Rahman berbeza pandangan mengenai faham kenabian pada bahagian-bahagian tertentu, namun gagasan beliau dianggap telah mencabar tradisi keilmuan ulama Islam dan boleh menimbulkan impak negatif pada konsep-konsep Islam lainnya yang berkaitan dengan faham kenabian. Selain daripada itu, pemikirannya ini telah melanggar batasan prinsip asas-asas agama (*'Uṣūl al-Dīn*) yang sudah kukuh (*al-thawābit*).[14]

---

*Nasaba Ilayhim Ḥuthālah al-Aghbiyā'*, ed. Dr. Muḥammad Riḍwān al-Dāyah (Beirut: Dār al-Fikr al-Muʿāṣir, 1990), c. 1; Abī Nuʿaym al-Aṣbahānī, *Dalāil al-Nubuwwah*, ed. Muḥammad Rawwās Qalʿajī & Abd al-Barra ʿAbbās (Beirut: Dār al-Nafā'is, 1999), c. 4, j. 1 & 2.

[13] Adapun diantara kajian ulama moden tentang faham kenabian adalah A. Hassan, *al-Nubuwwah: Bukti-Bukti Kebenaran Nabi Muhammad s.a.w*. (Singapura: alharamain Pte Ltd, 1982), c. 2; Abd al-Malik ʿAlī al-Kulayb, *ʿAlāmāt al-Nubuwwah* (Kaherah: Maktabah Ibn Taymiyyah, 1984), c. 1; Aḥmad Fārūqī Sirhindī, *Ithbāt al-Nubuwwah* (Istanbul: al-Maktabah al-Ḥaqīqah, 1986); Maḥmūd Mahdī Istanbūlī, *Dalāil al-Nubuwwāh al-Muḥammadiyyah Fī Ḍaw' al-Maʿārif al-Ḥadīthah Maṣḥūbah Bitawjīhāt wa Ṭarā'if Hāmmah* (Kuwait: Maktabah al-Maʿallā, 1986), c. 1; Hādī Abd al-Karīm Marʿī, *al-Adillah ʿAlā Ṣidq al-Nubuwwah al-Muḥammadiyyah wa Raddu al-Shubhāt ʿAnhā* (Jordan: Dār al-Furqān, 1991); Muḥammad ʿAqīl ʿAlī al-Mahdalī, *Dirāsah fi al-Nubuwwāt* (Kaherah: Dār al-Ḥadīth, 1997), c. 1;Abū al-Ḥasan ʿAlī al-Ḥusaynī al-Nadwī, *al-Nubuwwah wa al-'Anbiyā' fī Ḍaw al-Qur'ān* (Dimashq: Dār al-Qalam, 2000), c. 7; ʿAbd al-Bāʿith al-Ḥusaynī al-Kattānī, *Raddu al-Mutashābihāt Ilā al-Muḥkamāt Fī Jānib Khātam al-Nubuwwāt* (Kaherah: Dār al-Ghannā', 2002), c. 1, j. 1; Muḥammad ʿAlī al-Ṣābūnī, *al-Nubuwwah wa al-Anbiyā* (Beirut: al-Maktabah al-ʿAṣriyyah, 2003), c. 2; ʿAli Shūd Kīfītsh, *al-Wilāyah wa al-Nubuwwah.* (Kaherah: Dār al-Shurūq, 2004), c. 1.

[14] Para ulama telah membagi perkara-perkara agama kepada 'pokok-pokok' (*uṣūl*) dan 'cabang-cabang' (*furūʿ*). Disamping itu juga dikenal pembagian kepada dua kategori: 'yang kokoh tak pernah dan tak boleh diubah' (*al-thawābit*) dan 'yang boleh dan mungkin berubah' (*al-mutaghayyirāt*). Sila

